

20 NOV 1999

Calon-Umno

BARISAN CALON BUKTI UMNO PENTINGKAN PRINSIP PARTI

KUALA LUMPUR, 20 Nov (Bernama) -- Calon-calun Umno yang dinamakan untuk bertanding sebagai calon Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum ke-10 pada 29 Nov ini adalah satu bukti bahawa prinsip parti sentiasa diutamakan.

Ia bertepatan dengan penegasan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden Umno bahawa parti itu menerima mereka yang setia menyokong dan komited dengan dasar perjuangan parti.

Penampilan bekas pemimpin Parti Melayu Semangat 46 (S46) dan mereka yang dahulunya menyokong bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai calon Umno pada hari penamaan calon hari ini adalah contoh paling jelas mengenai keutamaan prinsip parti.

Antara bekas pemimpin S46 yang dipilih semula bertanding ialah Tengku Razaleigh Hamzah (Parlimen Gua Musang), Datuk Rais Yatim (Parlimen Jelebu), Hajah Ilani Datuk Isahak (Parlimen Kota Baharu) dan Datuk Zainal Abidin Zin (Parlimen Bagan Serai).

Penampilan mereka untuk bertanding semula sebagai calon BN di kawasan asal masing-masing adalah ibarat "sireh pulang ke gagang" dan para penganalisis politik percaya langkah itu dapat mengembalikan perpaduan dan keutuhan Umno.

Ia sekaligus menyatupadukan orang Melayu, yang sebelum ini berpecah kerana kewujudan parti serpihan Umno, S46 pimpinan Tengku Razaleigh.

Keputusan Tengku Razaleigh membubarkan S46 untuk perpaduan Melayu dan kemasukan beramai-ramai anggota S46 tanpa syarat ke dalam Umno ternyata mendapat pengiktirafan dan penghargaan dan menunjukkan bahawa Umno tidak sama sekali meragui kesetiaan mereka terhadap perjuangan parti.

Penampilan beberapa calon, yang dahulunya menjadi penyokong Anwar, juga merupakan satu lagi bukti Umno mengiktiraf mereka yang berpegang teguh kepada prinsip perjuangan parti.

Pengekalan bekas Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Ahmad Zahid Hamidi untuk mempertahankan kerusi Parlimen Bagan Datoh adalah sesuatu yang memeranjatkan banyak pihak kerana beliau, yang pada suatu ketika dahulu menjadi penyokong setia Anwar, dijangka digugurkan daripada senarai calon kali ini.

Ketabahannya melalui pelbagai ujian seperti tekanan untuk melepaskan jawatan Ketua Pergerakan Pemuda Umno yang dimenangi dalam pemilihan parti dan keputusan kerajaan tidak menyambung perkhidmatannya sebagai Pengerusi Bank Simpanan Nasional (BSN), nampaknya tidak sia-sia.

Ahmad Zahid sendiri sebelum ini membuat beberapa pengakuan bahawa beliau telah diperalatkan oleh Anwar untuk mencapai cita-cita politiknya dan berikrar akan terus setia dengan perjuangan Umno.

Semalam beliau mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir kerana terus memberi peluang kepadanya sebagai calon kawasan Parlimen Bagan Datoh dan berikrar akan memastikan kemenangan BN di kawasan itu serta meneruskan perkhidmatan untuk membawa pembangunan di kawasan itu.

Seorang lagi yang dikatakan bekas penyokong Anwar yang turut dikekalkan sebagai calon BN ialah Datuk Fauzi Abdul Rahman, yang bertanding untuk kerusi Dewan Undangan Negeri Beserah.

Kerusi Parlimen Kuantan, yang disandanginya sebelum ini, kini ditandingi oleh Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob, yang juga Setiausaha Agung

Umno.

Fauzi, yang sebelum ini menerima pelbagai tekanan oleh para anggota parti kerana masih dikaitkan dengan Anwar, membuktikan bahawa beliau dapat melalui dugaan dan sekaligus menunjukkan bahawa pucuk pimpinan parti tidak meragui kesetiiaannya.

Dua orang bekas setiausaha politik Anwar turut diberi kepercayaan untuk menyambung perkhidmatan kepada rakyat apabila dikekalkan sebagai calon BN daripada Umno.

Seorang daripada mereka Datuk Dr Ibrahim Saad, yang juga Timbalan Menteri Pengangkutan, menjadi calon BN untuk kerusi Parlimen Permatang Pauh, yang sebelum ini disandang oleh bekas "bosnya".

Seorang lagi bekas setiausaha politik Anwar, Datuk Salamon Selamat, turut dikekalkan sebagai calon tetapi kini bertanding untuk kerusi Dewan Undangan Negeri Batu Tiga di Selangor.

Salamon sebelum ini ialah penyandang kerusi Parlimen Shah Alam.

Seorang lagi bekas penyokong Anwar yang turut dikekalkan sebagai calon BN ialah Kamaruddin Mohd Nor, yang kali ini bertanding bagi kerusi Parlimen Pasir Puteh.

Kamaruddin, sebelum ini menyandang kerusi Dewan Undangan Negeri Semerak, setelah memenangi kerusi itu dalam pilihan raya kecil.

Bekas para penyokong Anwar itu tetap setia dengan perjuangan Umno tidak seperti beberapa orang penyokong lain yang bertindak keluar parti dan menyertai parti pembangkang sama ada Keadilan, Pas atau Parti Rakyat Malaysia (PRM).

Seorang penyokong Anwar yang bertindak sedemikian ialah bekas ketua Umno bahagian Tumpat, Datuk Kamaruddin Jaafar yang menyertai Pas dan kini menjadi calon Pas untuk kerusi Parlimen kawasan Tumpat.

Kebanyakan penyokong Anwar yang lain menganggotai Keadilan, yang dipimpin isteri Anwar Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, yang bertanding menentang Dr Ibrahim Saad.

Apa yang nyata ialah calon-calon Umno serta parti-parti komponen lain dalam BN dipilih secara teliti dan mereka yang dibarisi diyakini mampu membawa kejayaan cemerlang untuk membolehkan BN mengekalkan kuasa majoriti dua pertiga bagi meneruskan pemerintahan sebuah kerajaan yang kukuh dan berwibawa.

Dalam soal ini, Umno jelas sekali mengutamakan prinsip parti dalam pemilihan calon-calonnya.

-- BERNAMA

AFY AKD